



Anwar bersama Kor Ming dan Vincent pada Majlis Santunan Kasih KPKT Parlimen Tambun di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina Poi Lam, Klebang, Ipoh, semalam.

(Foto L Manimaran/BH)

Anwar nasihatkan pelajar usah jadi insan sombong

Perdana Menteri turut sampaikan sumbangan RM1j di 15 sekolah Parlimen Tambun

bhnews@bh.com.my

Ipoh: Datuk Seri Anwar Ibrahim menasihati pelajar sekolah tidak menjadi insan yang sombong dengan membina dan membuli orang lain apabila dikurniakan kepandaian, dengan merujuk sikap negatif itu yang ditunjukkan pemimpin negara tertentu.

Tanpa menamakan negara ber-

keanaan, Perdana Menteri meminta pelajar agar mengirimkan ucapan salam serta terima kasih beliau kepada ibu bapa serta guru yang membimbing mereka.

"Balik, kirim salam 'uncle Anwar' (saya) pada ibu bapa. Cakap terima kasih kepada ibu bapa dan guru atas didikan, tunjukkan kasih sayang kepada mereka.

"Jangan ikut perangai sesetengah negara. Dia agak pandai sedikit maka dia rendahkan dan hina keluarga sendiri. Jangan lupa. Tunjukkan hormat dengan salam ibu bapa dan guru-guru. Kata *uncle* Anwar sampaikan mesej minta sampaikan salam dan terima kasih kerana jasa ibu bapa dan guru," katanya.

Anwar yang juga Ahli Parlimen Tambun berkata demikian dalam ucapan pada Majlis Santunan Kasih Kementerian Per-

mahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Parlimen Tambun di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina Poi Lam, Klebang, di sini semalam.

Yang hadir sama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming dan Pengasas merangkap Penasihat Berjaya Corporation Bhd, Tan Sri Vincent Tan.

Pada majlis itu, Anwar menyampaikan sumbangan RM1 juta untuk pelajar di 15 sekolah dalam Parlimen Tambun.

Kuasai teknologi digital, AI

Perdana Menteri berkata, martabat pendidikan mesti diangkat antaranya dengan menguasai teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI) yang dianggap teknologi masa hadapan, selain menghindari gejala negatif, termasuk buli

dan bersikap perkauman.

Katanya, penguasaan teknologi terkini itu perlu seiring dengan penerapan disiplin yang lebih baik, selain perlu menjauhi sifat perkauman yang akhirnya menyemai kepada kebencian dan permusuhan.

"Masih ada laporan dari masa ke masa mengenai amalan buruk seperti buli, menghina, mencaci orang kerana warna kulit atau kaum. Ini bukan cara orang yang belajar.

"Saya hendak ingatkan anak-anak, pupuk dari sekarang (supaya) lawan orang yang pandangannya sempit dan bodoh, (iaitu) orang yang nilai orang dari segi warna kulit atau kaum. Kita nilai orang sama ada baik atau tidak dari segi ilmunya. Adakah dia bawa kebaikan atau bawa keburukan?," katanya.